

Kajian laluan MRT hampir siap

Kuala Lumpur: Kajian daya maju bagi laluan kedua dan ketiga projek My Rapid Transit (MRT) Lembah Klang dijangka dapat disiapkan awal tahun depan.

ia dijangka membabitkan pembinaan laluan lingkaran (circle line) di sekitar pusat bandar dan juga laluan yang akan menghubungkan kawasan pinggir bandar di selatan dan utara.

Pengerusi Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD), Tan Sri Syed Hamid Albar, berkata selepas kajian daya maju itu disiapkan, ia akan diserahkan kepada kerajaan untuk kelulusan.

“Selepas projek ini diluluskan, ia seterusnya akan diserahkan kepada Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) untuk dilaksanakan.

Siap menjelang 2020

“Projek ini dijangka dapat disiapkan sepenuhnya menjelang 2020,” katanya pada sidang media selepas pra pelancaran Persidangan dan Pameran Rel Asia 2013 di sini, semalam.

Hadir sama Ketua Eksekutif Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB), Datuk Sri Ir Dr Judin Abd Karim dan Pengarah Perhubungan Pemegang Kepentingan dan Tanah MRT Corp, Haris Fadzilah Hassan.

RAILASIA'13

THE INTERNATIONAL RAIL INDUSTRY EXHIBITION & CONFERENCE

TRANSFORMING RAIL MOBILITY IN ASIA



Hamid (kiri) bersama Dr Judin selepas pra pelancaran Persidangan dan Pameran Rel Asia 2013 di Kuala Lumpur, semalam.

[FOTO SAIFULLIZAN TAMADI/BH]

Pameran itu yang akan berlangsung pada Mac tahun depan di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur akan menghimpunkan lebih 300 pembuat keputusan utama dan menarik lebih 15,000 delegasi dan pengunjung.

Laksana transformasi

Dr Judin berkata, pameran itu diadakan tepat pada waktunya kerana negara kini sedang melaksanakan transformasi besar-besaran

dalam pengangkutan negara dan berhasrat untuk menjadikannya program tahunan.

“Kita tidak hanya mahu menjadi pembeli teknologi tetapi juga mahu menjadi pemain utama dalam industri rel,” katanya.

MRT Corp sehingga kini telah menganugerahkan 40 pakej pembinaan bernilai RM16 bilion manakala 45 lagi projek akan diberikan pada akhir tahun ini.